

‘Belum ada tawaran menarik ambil alih PLUS

4 pihak sudah kemuka tawaran rasmi ambilalih pengendali konsesi lebuhraya itu

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Ahmad Suhael Adnan
bhbiz@bh.com.my

Kerajaan belum menerima cadangan yang menarik setakat ini berhubung tawaran pengambilalihan PLUS Malaysia Bhd (PLUS), kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan sedia untuk menjual PLUS dan setakat ini menerima empat tawaran daripada pihak swasta, namun semuanya tidak menarik.

“Ya (terima empat tawaran), mungkin lebih daripada itu. Memang ada yang buat cadangan (pengambilalihan

PLUS), tapi belum dapat satu cadangan yang menarik.

“Biasanya, kerajaan tidak suka terbabit dengan perniagaan. Adalah lebih baik jika swasta terbabit dengan perniagaan. Kita harap mereka untung dan kita dapat 24 peratus daripada keuntungan mereka dengan tidak ada sebarang risiko atau pelaburan (daripada kerajaan).

“Tetapi kadang-kadang cadangan daripada swasta itu tidak menarik, tidak memberi gambaran yang baik mengenai masa depan PLUS. Sebab itu kita sedang mengkaji. Banyak cadangan diterima dan kita akan kaji yang mana terbaik. Sama ada PLUS dimiliki kerajaan atau swasta, kita akan pilih,” katanya ketika sidang media di lobi Parlimen, semalam.

Beliau ditanya mengenai pendirian kerajaan sama ada mahu menjual PLUS atau sebaliknya, berikutan beberapa tawaran diterima untuk mengambilalih syarikat konsesi lebuhraya terbesar di Malaysia itu.

Empat pihak yang sudah mengemukakan tawaran rasmi mengambilalih PLUS

adalah RRJ Capital, Widad Group Bhd (WBG), Maju Holdings Sdn Bhd dan ahli perniagaan, Tan Sri Halim Saad.

Sementara itu, persaingan bidaan PLUS Holdings Bhd semakin memuncak apabila WBG turut menyatakan kesanggupannya memenuhi syarat tawaran pengambilalihan pengendali konsesi lebuhraya itu, termasuk meletakkan deposit jika diperlukan.

Konglomerat pembinaan dan pengurusan kemudahan bersepadu itu sedang menunggu isyarat rasmi daripada kerajaan bagi meneruskan bidaan berkenaan.

“Setakat ini, kami belum menerima sebarang maklum balas berhubung tawaran (pengambilalihan) yang dibuat kepada kerajaan. Bagaimanapun kami bersedia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan mengikut keperluan dan kehendak pengambilalihan berkenaan,” kata Pengerusi Eksekutif Kumpulannya, Tan Sri Muhammad Ikmal Opat Abdullah ketika dihubungi *BH*.

Pada 9 Oktober lalu, WBG mengemukakan dua pilihan

tawaran iaitu mengambil alih 51 peratus kepentingan Khazanah Nasional Bhd secara tunai pada harga RM1.5 bilion dengan baki kepentingan masih dipegang 49 peratus ekuiti kekal dipegang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) manakala pilihan kedua ialah cadangan mengambil alih 100 peratus ke atas kepentingan Khazanah dan KWSP pada pertimbangan tunai RM3 bilion.

Muhammad Ikmal berkata, cadangan pengambilalihan itu sudah diserahkan kepada Perdana Menteri, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Dalam tawarannya, WBG juga bercadang akan mengurangkan kadar tol antara 25 peratus hingga 40 peratus berbanding kadar sedia ada, jika berjaya mengambilalih PLUS.

Kelmarin, *BH* melaporkan RRJ Capital iaitu firma ekuiti swasta milik warga Malaysia yang berpangkalan di Hong Kong, bersedia membayar deposit RM500 juta dalam tawarannya mengambil alih PLUS Malaysia Bhd.